

# MRT Corp, Rapid Rail mutkamadkan serah MRT

**KUALA LUMPUR** - Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) dan Rapid Rail Sdn Bhd., menandatangani perjanjian penyerahan serta pengoperasian yang secara rasminya melantik Rapid Rail sebagai pengendali Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Selain keperluan operasi bagi laluan berkenaan, perjanjian itu juga memperincikan obligasi Rapid Rail, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd., melibatkan penyelenggaraan gerabak, stesen, sistem dan aset lain.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, ia merupakan saat bersejarah bagi MRT Corp kerana ia menandakan transformasi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang daripada projek yang dalam pembinaan ke arah pengoperasian laluan berkenaan.

"Sepanjang enam tahun lepas, MRT Corp bekerja keras untuk mewujudkan sistem MRT moden dan kini kami menghampiri saat penyerahan projek yang kami wujudkan kepada pengendali yang dilantik," katanya menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Menerusi perjanjian tersebut, Rapid Rail dilantik sebagai pengendali untuk tempoh 10 tahun dengan pilihan membolehkan lanjutan tempoh selama lima tahun lagi.

Perjanjian tersebut disediakan atas dasar terma pajakan aset dengan Rapid Rail memajak daripada MRT Corp dengan bayaran tahunan.

"Rapid Rail akan menjalankan operasi laluan MRT dan mengekalkan semua tambang yang dikutip manakala MRT Corp akan mengekalkan hasil bukan tambang, seperti pendapatan daripada pengiklanan dan pajakan runcit. Tambang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat," ujarnya.

Rapid Rail juga bertanggungjawab ke atas menyelenggara aset. - Bernama